

Sayyid Muhammad Ibn [°]Ali Al-Sanusi dan sejarah penubuhan tarekatnya

[Sayyid Muhammad Ibn [°]Ali al-Sanusi and the history of the establishment of his tarekat]

Uwais Althof Sanusi*, Yusri Mohamad Ramli

Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia. 43600. Bangi. Malaysia.

*Corresponding author; email: uweetoff@gmail.com

DOI: <https://doi.org/10.33102/ujj.vol37no03.710>

Abstrak

Sayyid Muhammad ibn [°]Ali al-Sanūsi adalah sebuah nama yang tidak asing bagi ahli tarekat khususnya di kawasan Hijāz dan Afrika Utara. Tarekat al- Sanūsiyyah yang ditubuhkan oleh beliau telah memberikan impak yang besar dalam sejarah Islam dari aspek agama, politik dan sosial. Artikel ini bertujuan untuk menghuraikan ketokohan beliau dalam memimpin serta menyatukan masyarakat Arab Badwi dan menjelaskan tentang sejarah penubuhan tarekatnya. Kaedah penyelidikan secara kualitatif digunakan bagi mencapai objektif kajian dan pengumpulan data dilakukan dengan kaedah kajian kepustakaan. Dapat kajian menunjukkan bahawa ketokohan dan keperibadian Sayyid Muhammad ibn [°]Ali al-Sanūsi telah dipupuk semenjak beliau usia muda lagi. Seterusnya, penubuhan tarekat al- Sanūsiyyah bermula setelah beliau dilantik untuk menjadi khalifah gurunya dan ajaran beliau diterima baik oleh kaum arab Badwi. Akhir sekali, perkembangan tarekat beliau adalah disebabkan oleh struktur organisasi yang sempurna dan kehebatan seorang pemimpin dilihat kerana tarekat ini telah disebar hingga ke Malaysia.

Kata kunci: Tarekat; Tarekat al-Sanūsiyyah; Sayyid Muhammad ibn Ali al- Sanūsi; Tasawuf

Abstract

Sayyid Muhammad ibn [°]Ali al-Sanusi is a familiar name among the members of Sufi orders, especially in Hijāz and North Africa regions. The order of al-Sanūsiyyah established by him has a great impact on the development of Islam from religious, political and social aspects. This article aims to identify his role in leading and unifying the Bedouin Arab community and analyse the history of the establishment of his order. The qualitative research method is used to collect data for this study. Research found that the character and personality of Sayyid Muhammad ibn [°]Ali al-Sanūsi have been nurtured since he was young. Subsequently, the establishment of the al-Sanūsiyyah order began after he was appointed as his teacher's successor and his teachings were well received by the Bedouin Arabs. Finally, the development of his order is due to the perfect organizational structure and the greatness of his leadership and can be seen by this order has spread to Malaysia.

Keywords: Sanusiyya's order; Sayyid Muhammad ibn Ali al-Sanusi, Sufism

1.0 Pendahuluan

Institusi tarekat secara amnya tidak ada pada zaman Nabi Muhammad SAW. Walaupun begitu, tarekat ini merupakan pecahan kepada ilmu tasawuf yang sudah wujud semenjak zaman Nabi Muhammad SAW. Abdul Somad al- Falimbāni berpendapat bahawa tasawuf ialah sebuah ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan hal spiritual dan disertakan dengan praktikal agar membentuk peribadi dan akhlak yang mulia Muhammad Afif

Manuscript Received Date: 28/08/25

Manuscript Acceptance Date: 07/10/25

Available online: 01/12/25

©The Author(s) (2025). Published by USIM Press on behalf of the Universiti Sains Islam Malaysia. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution Non-Commercial License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact penerbit@usim.edu.my



Yahya, et.al, 2024). Abd Rahman, et.al (2020) pula menyatakan bahawa asas kepada tasawuf ialah tarekat. Perkara ini dapat difahami dengan melihat tujuan kepada penubuhan sesebuah insitisi tarekat adalah proses pembersihan jiwa melalui pendekatan tokoh yang telah mencapai maqam *ma'arifatullah* dan setiap ahlinya akan dibimbing oleh para mursyid.

Melihat daripada sudut sejarah, pada abad ketiga dan keempat hijrah kebanyakan masyarakat menjadikan *ahl Suffah* sebagai contoh dalam pengamalan kehidupan rohani mereka. Selepas itu, institusi tasawuf terus berkembang pada abad kelima dan keenam yang menyebabkan munculnya tarekat sufi pada abad ketujuh dengan sebuah sistem yang lebih praktikal untuk melaksanan ajaran kerohanian. Setiap organisasi mempunyai struktur yang tersendiri dalam aspek pengamalan. Walaubagaimanapun, perbezaan insitisi tarekat ini hanya terbatas aspek pengamalan sahaja dan matlamat mereka adalah sama iaitu mencapai maqam *ma'arifatullah*. Di sini dapat disimpulkan bahawa insitisi tarekat ini adalah sebuah cabang ilmu tasawuf yang mengamalkan pendidikan rohani secara praktikal mengikut tokoh tertentu dengan bimbingan para *mursyid*.

Kajian ini memfokuskan terhadap pengasas tarekat al-Sanūsiyyah dan sejarah penubuhannya. Tarekat al-Sanūsiyyah ini dilihat berkembang luas dan mendapat penerimaan yang sangat baik di sekitar wilayah Afrika Utara, Hijāz dan Mesir. Pengasasnya Sayyid Muhammad ibn cAli al-Sanūsi merupakan seorang tokoh yang amat penting dalam sejarah Islam, khususnya dalam hal yang berkaitan tarekat sufi dan gerakan menentang penjajah. Selepas beliau dikenali sebagai seorang ulama sufi yang

sangat berpengaruh khususnya di kawasan Afrika Utara dengan metode pentarbiahan yang telah menyatukan kaum Badwi. Melihat kepada tarekat al-Sanūsiyyah, ia merupakan salah satu institusi tasawuf yang amat berpengaruh dalam dunia Islam khususnya di kawasan Afrika Utara. Penubuhan tarekat ini bermula pada awal abad ke-19 yang dipimpin oleh Sayyid Muhammad ibn cAli al-Sanūsi dan telah memberi impak yang sangat besar terhadap masyarakat Islam di Afrika Utara khususnya ketika memerdekakan negara Libya daripada penjajahan Imperialis Barat pada ketika itu.

Menurut Saima Raza (t.th), tarekat al-Sanūsiyyah ialah sebuah institusi tasawuf yang berjaya dalam segala aspek. Kebiasaannya tarekat dikenali sebagai organisasi keagamaan sahaja tetapi keberjayaan tarekat al-Sanūsiyyah meliputi aspek agama, politik, sosial dan ekonomi masyarakat di Afrika Utara. Beliau menambah lagi bahawa puncak kejayaan tarekat al-Sanūsiyyah ini apabila berjaya membentuk kesatuan para kabilah Arab Badwi yang hidup dalam keadaan bersuku-suku. Ziadeh (1968) dan al-Dajjāni (1967) juga memberikan komentar yang sama dalam memuji organisasi tarekat al-Sanūsiyyah ini yang dapat menjadi penggerak kepada kebangkitan masyarakat Arab ketika itu untuk bangkit melawan penjajah Barat. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi melihat kehebatan tarekat al-Sanūsiyyah yang diasaskan oleh Sayyid Muhammad ibn cAli al-Sanūsi.

2.0 Kehidupan Dan Ketokohan Sayyid Muhammad Ibn cAli al-Sanūsi

Sayyid Muhammad ibn cAli al-Sanūsi merupakan *ahl al-Bayt* daripada jalur Saidina Hasan RA. Beliau lahir dalam keluarga yang mulia dan keturunan yang hebat. Salasilah keturunan beliau dipenuhi oleh golongan pemimpin dan ulama seperti pengasas kerajaan *Adārisah* iaitu Sayyid Idrīs al-Akbār dan Sayyid Khattāb yang merupakan seorang wali Allah yang terkenal pada masanya (Ashhāb, t.th). Selanjutnya, menurut cAbd al-Mālik (1966) Sayyid Muhammad ibn cAli al-Sanūsi tidak mempunyai pertalian darah dengan Imām Muhammad ibn Yūsuf al-Sanūsi (Beliau ialah seorang ulama akidah yang terkenal dengan karyanya iaitu *umm al-Barāhīn*). Walaubagaimana pun begitu, nisbah kepada al-Sanūsi adalah nisbah kepada datuknya Sayyid cAbd al-Qādīr yang diberi gelaran 'Muhammad al-Sanūsi' oleh ayahnya Sayyid Ahmad Syāhidah agar berkat keilmuan dan kewarakan Imām Muhammad ibn Yūsuf al-Sanūsi mengalir dalam jiwa anaknya tersebut.

Sayyid Muhammad ibn cAli al-Sanūsi dilahirkan di Mostagānīm, Algeria pada 12 *Rabi' al-Awwal* tahun 1201 Hijrah bersamaan 22 Disember 1787 Masihi. Beliau dinamakan dengan Muhammad adalah kerana hari kelahirannya bertepatan dengan *maulid al-Nabi* S.A.W dan mengambil berkat daripada nama yang mulia tersebut. Ayah dan ibu telah wafat sewaktu beliau berumur 2 tahun. Kemudian, pentarbiahan beliau diselia oleh ibu saudaranya iaitu Sayyidah Fātimah al-Zahra' yang ketika itu merupakan seorang wanita yang alim, solehah dan disegani oleh masyarakat setempat. Kemuliaan dan kehebatan Sayyidah Fātimah dapat dilihat melalui majlis halaqah ilmu beliau yang dihadiri oleh ramai dalam kalangan lelaki dan wanita bagi mengambil manfaat yang disampaikan (Muhammad Fuad & Mujahid Abdul Wahab, 2015).

Di bawah seliaan Sayyidah Fātimah, Sayyid Muhammad ibn cAli banyak mendalami ilmu tauhid dan ilmu al-Quran. Guru utama beliau pada ketika ini ialah Sayyid Muhammad ibn Qa'masyh yang merupakan suami kepada Sayyidah Fātimah. Menurut (al-Dajjāni, t.th), Sayyid Muhammad ibn cAli telah mempelajari ilmu al-Quran beserta *qiraat al-sab'ah* bersama Sayyid Muhammad ibn Qa'mash. Kemudian, Sayyidah Fātimah wafat ketika usia beliau belum mencecah tujuh tahun. Setelah kewafatan ibu saudaranya, beliau telah diasuh dan ditarbiah oleh sepupunya iaitu Sayyid Muhammad al-Sanūsi dan Sayyid Muhammad ibn cAli telah mengkhatakamkan hafazan al-Quran bersamanya. Antara kitab yang dipelajari oleh Sayyid Muhammad ibn cAli bersama sepupunya ialah matan *al-Jazariyyah*, *al-Hidāyah al-Mardiyyah fi al-Qiraah al-Makkiyyah* dan *Hirz al-*

Amāni karangan imam Syātibi. Sebelum kewafatan Sayyid Muhammad al-Sanūsi pada tahun 1219 hijrah, beliau sempat mewasiatkan Sayyid Muhammad ibn ^CAli agar keluar mencari masyaikh di sekitar Muzāwanah dan Mostghānīm untuk mengambil manfaat daripada mereka. Setelah itu, Sayyid Muhammad keluar menuntut ilmu bersama para masyaikh di Mostaghānīm selama dua tahun dan seterusnya di Muzāwanah selama satu tahun.

Perjalanan ilmu Sayyid Muhammad ibn ^CAli al-sanūsi diteruskan dengan pemusafirannya ke bumi Fās, Maghribi pada tahun 1803 masihi dan beliau telah menetap disana selama tujuh tahun. Pada ketika itu bumi Fās sangat terkenal dengan perkembangan ilmu pengetahuan serta menjadi tempat perkumpulan para ulama yang terkemuka dan disamping itu, Universiti Qarāwiyyīn juga terletak disana. Ini merupakan faktor utama Sayyid Muhammad ibn Ali al-Sanūsi melanjtkan pelajarannya di Fās. Sepanjang tempoh tujuh tahun berada di Fās, beliau telah berjaya menguasai

pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Sayyid Muhammad ibn ^CAli al-Sanūsi berkata “*Saya telah mempelajari sehingga 50 disiplin ilmu, namun begitu sepanjang kehidupan saya, saya hanya ditanya mengenai 18 disiplin ilmu Sahaja*” (Muhammad Fuad, 2012). Antara guru-guru beliau di Fās ialah:

1. Sayyid Abū Bakr al-Idrisi.
2. Sayyid Ahmad al-Tijāni.
3. Sheikh Muhammad ibn ^CAmr al-Mi’wāni.
4. Sayyid al-^CArābi ibn Muhammad al-Darqāwi.

Menurut (al-Salābi, 2005) Keilmuan dan kehebatan Sayyid Muhammad ibn ^CAli telah mendapat pandangan daripada para ulama di Fās sehingga beliau diberi kepercayaan untuk menjadi tenaga pengajar di *Jāmi’ al-Qarāwiyyīn*. Ziadeh (1968) juga menambah bahawa pada ketika itu beliau dilantik oleh Raja Sulaiman untuk menjadi tenaga pengajar khusus di istana kerajaan Maghribi. Ini jelas membuktikan kehebatan dan kealiman Sayyid Muhammad ibn ^CAli al-Sanūsi. Beliau bukan sahaja diiktiraf oleh golongan ulama bahkan dihormati dan disegani oleh golongan pemerintah. Ketekunan beliau dalam ilmu tasawuf dan tarekat dapat dilihat melalui karangan beliau *al-Salsabil al-Mā’in fi Tarāiq al-Arba’in*. Dalam kitab ini beliau telah mengumpulkan sanad ijazah daripada 40 jenis tarekat sufi yang berlainan yang beliau dapatkan daripada guru-gurunya. Setelah itu, terjadi pergolakan politik yang berlaku di Maghribi maka beliau mengambil keputusan untuk keluar bermusafir pulang ke kampung halaman Algeria dan seterusnya ke *Jāmi’ al-Zaitūnah*, Tunisia untuk menyebarkan ilmu dan dakwah.

Selanjutnya, pada tahun 1230 hijrah beliau telah bermusafir ke Makkah al-Mukarramah buat kali yang pertama untuk menunaikan haji sekaligus menimba ilmu pengetahuan daripada para ulama yang berada di kawasan Hijāz. Menurut (Muhammad Fuad & Mujahid, 2015), sebelum Sayyid Muhammad ibn ^CAli al-Sanūsi bermusafir beliau sempat menghadiri majlis pengebumian gurunya Sayyid Ahmad al-Tijāni sebagai tanda penghormatan. Sayyid Muhammad ibn ^CAli al-Sanūsi menetap di Hijāz pada kali ini hanya dalam tempoh setahun sahaja. Biarpun hanya dalam setahun beliau telah berjumpa dengan ramai masyaikh di Makkah dan Madīnah untuk mengambil manfaat dan mempelajari ilmu daripada mereka. Adapun pertemuan beliau bersama Sayyid Ahmad ibn Idris al-Hasani adalah ketika beliau musafir ke Makkah buat kali yang kedua pada tahun 1241 hijrah. Antara masyāikh beliau di Hijāz pada ketika ini ialah:

1. Sayyid Ahmad ibn Idris al-Hasani.
2. Sheikh Umar ibn Abd al-Karīm al-Makki.
3. Sheikh ^CAbd al-Hāfiz al-^CUjaimi (Mufti Makkah).
4. Sheikh Muhammad al-Aslāmi al-Syāfi’ī.
5. Sheikh Soleh al-Badri.
6. Sheikh ^CAbd al-Rahmān al-Ansori.
7. Musnid Hijāz Sheikh Muhammad Sifr.

Setelah mendampingi para ulama di bumi Hijāz, Sayyid Muhammad ibn ^CAli telah keluar untuk bermusafir ke Mesir buat kali pertama pada tahun 1232 hijrah. Permusafirannya di Mesir pada kali pertama ini hanyalah dalam tempoh setahun lebih dan kemudian beliau pulang ke Mostghānīm untuk mengajar ilmu menyampaikan dakwah kepada masyarakat setempat. Walaupun begitu, beliau tetap tidak melepaskan peluang untuk mendampingi para ulama serta mengambil manfaat ilmu daripada mereka. Antara guru-guru beliau di Mesir ialah:

1. Sheikh Muhammad al-Mailī al-Tūnisi al-Māliki
2. Sheikh Muhammad al-Sāwi al-Māliki
3. Sheikh Hasan al-‘Attār al-Syāfi’ī
4. Sheikh al-Azhar Sheikh Hasan ibn Darwisy al-Quwaysini

Permusafiran beliau ke Mesir buat kali kedua adalah pada tahun 1238 hijrah selepas beliau musafir ke Makkah al-Mukarramah pada kali kedua sekaligus bertemu dengan Sayyid Ahmad ibn idris al-Hasani. Pemergian beliau ke Mesir ini pada asalnya bertujuan untuk menziarahi para masyāikh beliau sahaja. Namun begitu, disebabkan oleh kealiman dan kehebatannya diakui oleh para ulama di Mesir, beliau dituntut dan didesak

oleh para masyāikhnya agar turut serta dalam mengajarkan ilmu bersama-sama mereka di sana. Maka, beliau pun menetap di Mesir menyampaikan dakwah dan mengajarkan ilmu kepada masyarakat disana selama tiga tahun.

Ada sebuah kisah yang diriwayatkan ketika Sayyid Muhammad ibn cAli menyampaikan ilmu di *Jāmi' al-Azhar*, ada seorang ulama besar berkata:

“*Senyaplah wahai sekalian ulama! Sesungguhnya orang yang berada di hadapan kalian ini adalah seorang yang sangat alim dari kalangan umat Muhammad SAW, lampu yang menyinari syariat yang suci dan matahari kepada langit ma'arifah ilahiyah. Beliau ialah Sheikh al- Kāmil Sayyidi Muhammad ibn Ali al-Sanūsi al-Hasani al-Idrisi*” (Muhammad Fuad, 2012).

Peristiwa ini membuktikan bahawa kehebatan beliau dalam ilmu pengetahuan sangat disegani dan diiktiraf oleh para ulama serta golongan penuntut ilmu yang berpusu-pusu untuk menghadiri halaqah di *Jāmi' al-Azhar* demi mengambil manfaat dan faedah ilmu. Walaupun begitu, telah menjadi adat bagi orang hebat untuk dimusuhi. Beliau ditohmah serta difitnah oleh Sheikh cUlaisy al-Māliki kerana membuat seruan kepada masyarakat untuk berani melakukan ijtihad dalam masalah agama. Tidak cukup dengan itu, beliau juga diancam bunuh oleh golongan pembenci serta diracun sehingga menyebabkan sakit teruk. Menurut al-Salābi, walaupun racun itu dapat dirawat tetapi kesan kepada racun tersebut telah menyebabkan badan beliau telah menjadi lemah dan tidak kuat daripada sebelumnya. Namun, perkara ini tidak dapat menghalang semangat beliau dalam usahanya untuk menyampaikan dakwah dan ilmu pengetahuan kepada masyarakat.

Selanjutnya, pertemuan Sayyid Muhammad ibn Ali al-Sanūsi bersama gurunya Sayyid Ahmad ibn Idris merupakan sebuah pertemuan yang sangat penting bagi kehidupannya. Ia dilihat sebagai pertemuan penting kerana Sayyid Ahmad adalah satu-satunya guru yang dapat memberikan pentarbiahan yang paling memberikan kesan pada hati Sayyid Muhammad ibn cAli walaupun pada sebelum pertemuan ini beliau sudahpun mempelajari dan mengambil ijazah tarekat daripada guru-guru yang sebelum seperti Sheikh Ahmad al-Tijānī dan al-cArif billa Sheikh al- cArābi al-Darqāwi ketika berada di kota Fās. Kehebatan beliau dapat dilihat dengan lebih jelas lagi melalui karangan beliau *al-Salsabil al-Ma'in fi Tarāiq al-Arba'in* yang mengumpulkan 40 jenis ijazah dan sanad tarekat berbeza yang beliau dapatkan daripada guru-gurunya. Tambahan lagi, kitab ini ditulis oleh beliau sebelum pertemuannya dengan Sayyid Ahmad ibn Idris. Ini jelas membuktikan bahawa sebelum bertemu dan mendampingi Sayyid Ahmad ibn Idris beliau sudahpun menjadi orang yang sangat hebat dalam ilmu tasawuf dan tarekat. Sayyid Ahmad al-Shārif (2016) menyatakan bahawa pertemuan kedua permata ini diatur oleh Sayyid al-cArābi dan Sayyid Muhammad al-Filāli selepas Sayyid Muhammad ibn cAli menziarahi kedua ulama tersebut di Makkah. Setelah itu, Sayyid Muhammad ibn cAli dipertemukan dengan Sayyid Ahmad ibn Idris pada tahun 1243 hijrah di Makkah setelah diatur oleh dua orang ulama yang disebutkan.

Sepanjang tempoh Sayyid Muhammad ibn cAli mendampingi gurunya, beliau sering dipuji baik dari aspek keilmuan mahupun akhlak beliau sehinggakan Sayyid Ahmad ibn Idris berkata kepadanya “Kamu adalah kami, dan kami adalah kamu. Penyataan tersebut jelas menunjukkan bahawa Sayyid Muhammad ibn Ali mendapat pandangan dan penghormatan yang amat tinggi daripada guru beliau. Sayyid Muhammad ibn cAli juga telah mencapai darjat yang sempurna dibawah pentarbiahan Sayyid Ahmad sehingga beliau dilantik untuk menjadi khalifah tunggal kepada Sayyid Ahmad ketika berada di Laith. Sayyid Muhammad ibn cAli mengambil tanggungjawab tersebut dan terus mengasaskan zawiyah beliau yang pertama di Jabal Abi Qubais, Makkah. Perjalanan Sayyid Muhammad ibn cAli tidak tertumpu kepada satu zawiyah Sahaja, bahkan beliau menubuhkan zawiyah pada setiap tempat yang dilawati khususnya di kawasan Makkah, Mesir dan Libya. Usaha Sayyid Muhammad ibn cAli ini adalah semata-mata untuk menyampaikan dakwah serta menyebarkan ajaran Islam dan perkara beliau ini teruskan sehingga ke akhir hayat. Sayyid Muhammad ibn cAli al-Sanūsi menghembuskan nafasnyanya yang terakhir pada usia 74 tahun di hari Rabu 9 Safar 1276 hijrah bersamaan 7 September 1895 masihi.

3.0 Sejarah Penubuhan Tarekat al-Sanūsiyyah

Tarekat al-Sanūsiyyah ditubuhkan pada tahun 1826 masihi di Jabal Abi Qubays, Makkah. Para pengikut tarekat al-Sanūsiyyah yang awal adalah daripada golongan pengikut Sayyid Ahmad ibn Idris dan berpisah untuk mendampingi Sayyid Muhammad ibn cAli al-Sanūsi. Perkara ini dapat dilihat melalui ucapan Sayyid Ahmad ibn Idris ketika perpisahan mereka di Laith. Beliau berkata (Sayyid Ahmad al-Shārif, 2016):

“Ibn Sanūsi adalah kami, dan kami adalah Ibn Sanūsi. Beliau ialah Khalifah kami dan orang yang akan mengambil alih tempat kami. Sesiapa dari kalian yang mahu pulang bersamanya, maka dipersilakan. Dan sesiapa yang masih ada kekuatan untuk bermusafir dan menemani kami, maka dipersilakan melakukan sedemikian”.

Melihat kepada penyataan tersebut, para pengikut yang pulang bersama Sayyid Muhammad ibn cAli bukanlah golongan yang ingkar atau khianat kepada Sayyid Ahmad ibn Idris bahkan mereka diberi pilihan sama ada meneruskan perjalanan bersama Sayyid Ahmad ibn Idris ke Yaman atau pulang ke Makkah bersama Sayyid

Muhammad ibn ^ᶜAli.

Menurut Sayyid Ahmad al-Shārīf (2013), tarekat ini dinamakan sebagai Tarekat al-Muhammadiyah al-Sanūsiyyah al-Idrīsiyyah. Setiap nama yang disandarkan mempunyai sandaran yang jelas seperti al-Muhammadiyah disandarkan kepada Nabi Muhammad SAW yang menjadi ikutan bagi umatnya dalam setiap hal dan keadaan. Nisbah al-Sanūsiyyah pula disandarkan kepada pengasas tarekat tersebut iaitu Sayyid Muhammad ibn ^ᶜAli al-Sanūsi yang berperanan sebagai tunjang utama serta murabbi kepada para pengikutnya. Manakala nisbah al-Idrīsiyyah pula bersandarkan kepada Sayyid Ahmad ibn Idris al-Fāsi. Penisbahan kepada Sayyid Ahmad ibn Idris merupakan sebuah bentuk adab murid kepada guru kerana manhaj pendidikan dan pentarbiahan yang dibawa oleh Sayyid Muhammad ibn ^ᶜAli ialah manhaj yang diajarkan oleh Sayyid Ahmad ibn Idris kepada beliau. Oleh sebab itu, Sayyid Muhammad ibn ^ᶜAli tidak menambah atau mengurangi sebarang amalan yang telah digariskan oleh gurunya Sayyid Ahmad ibn Idris. Selanjutnya, pengikut tarekat al-Sanūsiyyah digelar sebagai *al-ikhwān al-Sanūsiyyūn*. Gelaran ikhwān dalam kalangan pengikut sanūsiyyah adalah sebuah usaha Sayyid Muhammad ibn ^ᶜAli untuk memupuk semangat persaudaraan antara orang Islam dan dengan metod ini beliau berjaya menyatukan kaum-kaum badwi yang pada ketika hidup dalam keadaan *‘asobiyyah* (berkelompok).

Permulaan usaha dakwah tarekat al-Sanūsiyyah ini dengan tertubuhnya zawiyah al-Sanūsiyyah yang pertama di Jabal Abi Qubais. Penubuhan zawiyah adalah sebuah perkara yang tidak asing bagi pengamal tarekat. Pada umumnya zawiyah berperanan sebagai sebuah pusat ilmu pengetahuan, pusat dakwah dan markaz bagi golongan pengamal tarekat khususnya di Afrika Utara. Zawiyah dikenali sebagai sebuah tempat untuk beruzlah (mengasingkan diri). Walaubagaimanapun, Jādillah (2017) menyebutkan bahawa tarekat al-Sanūsiyyah membawa konsep zawiyah yang sedikit berbeza daripada umumnya. Zawiyah al-Sanūsiyyah bukan sahaja berfungsi sebagai pusat pendidikan dan ibadah, bahkan zawiyah berfungsi sebagai pusat pentadbiran, pusat pertanian, pusat ekonomi, pusat kemahiran, pusat ketenteraan dan markaz pertahanan perang (Mohd Sobirin, 2020). Zawiyah al-Sanūsiyyah turut berfungsi sebagai pusat ketenteraan yang mana ia merupakan sebuah perkara yang unik dan berbeza dengan zawiyah bagi tarekat yang lain. Perkara ini adalah disebabkan keadaan Bumi Libya pada ketika itu menjadi sasaran kepada penjajahan daripada Imperialis Barat seperti Perancis, Itali dan Inggeris. Perluasan kawasan penjajahan oleh Imperialis Barat pada perang dunia pertama menjadikan struktur asal organisasi tarekat al-Sanūsiyyah yang pada asalnya hanya sebuah insituti tarekat sufi, kemudian berperanan menjadi sebuah gerakan politik yang memperjuangkan tanah air.

Walaupun struktur al-Sanūsiyyah dilihat berubah menjadi sebuah gerakan politik, perkara tersebut tidak dapat menidakkan bahawa tarekat al-Sanūsiyyah amat mementingkan pendidikan kepada para ikhwannya. Peranan zawiyah dalam aspek pendidikan dapat dilihat dengan silibus yang diajarkan dalam zawiyah seperti pengajian kitab-kitab berkaitan dengan al-Quran, hadis, fiqh, akidah, mantik dan sebagainya (al-Dajjāni, 1967). Tarekat al-Sanūsiyyah juga menubuhkan sebuah perpustakaan di zawiyahnya yang menghimpunkan hampir 8 000 jenis kitab daripada pelbagai ilmu pengetahuan. Disamping itu, tarekat al-Sanūsiyyah juga akan menyediakan guru dan ilmuan untuk menjadi rujukan di dalam zawiyah mereka. Ini jelas membuktikan bahawa tarekat al-Sanūsiyyah amat menitikberatkan tentang pelajaran dan pendidikan para Ikhwan mereka serta zawiyah memainkan peranan yang besar dalam mendidik para pengikutnya.

Selanjutnya, menurut Jādillah (2017) penubuhan zawiyah al-Sanūsiyyah bukanlah sebuah perkara yang mudah kerana perlu melalui proses yang telah diatur oleh Sayyid Muhammad ibn Ali al-Sanūsi. Sebelum memulakan pembinaan zawiyah, projek tersebut perlu mendapat persetujuan antara wakil tarekat al-Sanūsiyyah dan ketua kabilah di kawasan berdekatan seterusnya kedua belah pihak perlu menandatangani “Perjanjian zawiyah al-Sanūsiyyah”. Apabila kesepakatan sudah tercapai, pembinaan dimulakan dengan membina masjid disusuli oleh pembinaan penempatan bagi sheikh zawiyah dan ahli keluarganya diikuti pembinaan rumah-rumah dan penempatan bagi penuntut ilmu, fakir miskin dan rumah tetamu. Setelah zawiyah tersebut siap dibina, pihak tarekat al-Sanūsiyyah melantik seseorang untuk menjadi sheikh kepada zawiyah tersebut sekaligus menjadi wakil kepada guru utama tarekat al-Sanūsiyyah yang berada di markaz utama. Tarekat al-Sanūsiyyah meletakkan seseorang untuk menjadi sheikh zawiyah adalah untuk memastikan dakwah dan ajaran yang dilaksanakan mengikut manhaj yang telah digariskan oleh Sayyid Muhammad ibn ^ᶜAli al-Sanūsi. Perkara ini juga mengelakkan sebarang kekeliruan atau percanggahan terhadap manhaj asal tarekat al-Sanūsiyyah. Pembinaan zawiyah ini juga adalah hasil daripada kerjasama tarekat al-Sanūsiyyah bersama kabilah-kabilah yang berada di kawasan berdekatan. Maka, secara tidak langsung pembinaan zawiyah telah menjadi salah satu sebab kepada penyatuan masyarakat setempat. Setelah zawiyah telah siap dibina, mereka akan memulakan agenda dan matlamat utama Tarekat al-Sanūsiyyah iaitu menyampaikan dakwah dan mengajarkan ilmu pengetahuan kepada masyarakat.

Tarekat al-Sanūsiyyah telah memperluas kawasan dakwah mereka dengan menubuhkan zawiyah al-Sanūsiyyah bermula dari Hijāz sehingga ke kawasan Afrika Utara. Al-Dajjāni (1967) mencatatkan jumlah zawiyah al-Sanūsiyyah yang ditubuhkan telah mencapai sehingga 50 buah zawiyah. Antara zawiyah al-Sanūsiyyah yang utama adalah zawiyah Jabal Abi Qubais, zawiyah al-Bayda’, Libya dan zawiyah al-Jaghbūb. Ketiga-tiga zawiyah ini merupakan pusat pentadbiran utama bagi tarekat al-Sanūsiyyah dimulai oleh zawiyah Jabal Abi Qubais sebagai zawiyah yang pertama dibina selepas tertubuhnya organisasi Tarekat al-

Sanūsiyyah. Kemudian pusat markaz utama dipindahkan ke zawiyah al-Bayda' kerana ia menjadi lambang kepada kemasukan Tarekat al-Sanūsiyyah di kawasan Libya dan yang terakhir markaz utama bagi Tarekat al-Sanūsiyyah dipindahkan ke zawiyah al-Jaghbūb kerana kedudukan kawasan Jaghbūb yang lebih strategik dan dapat memudahkan segala urusan tarekat al-Sanūsiyyah khususnya ketika mereka menghadapi peperangan dengan Imperialis Barat. Menerusi maklumat tersebut dapat difahami bahawa tarekat al-Sanūsiyyah ialah sebuah tarekat atau gerakan yang sangat komited dalam penyebaran dakwah dan ajaran yang dibawa oleh mereka dengan menubuhkan zawiyah al-Sanūsiyyah. Disamping itu juga, dapat dilihat bahawa kejayaan organisasi al-Sanūsiyyah adalah implikasi daripada gagasan yang dibuat oleh Sayyid Muhammad ibn Ali al-Sanūsi dan kepatuhan para pengikutnya menjadikan Tarekat al-Sanūsiyyah sebuah organisasi yang bersistematik dalam segala hal.

4.0 Kemasukan Tarekat al-Sanūsiyyah di Malaysia dan Perbezaannya Dengan Tarekat al-Ahmadiyyah

Tarekat al-Sanūsiyyah terus berkembang dan meluas secara signifikan di kawasan Afrika Utara dan Hijāz. Selepas kewafatan pengasasnya Sayyid Muhammad Ibn cAli al-Sanūsi, tarekat al-Sanūsiyyah terkenal kerana keterlibatan mereka dalam kancah politik yang mempertahankan Libya daripada penjajahan Barat. Perkembangan tarekat ini diwarisi oleh keturunan Sayyid Muhammad ibn cAli al-Sanūsi sehinggalah tertubuhnya negara Libya yang diasaskan oleh cicit beliau iaitu Raja Sayyid Muhammad Idris al-Mahdi. Pada ketika ini tarekat al-Sanūsiyyah sudah tersebar luas sehinggalah pada tahun 2013 masihi secara rasminya telah menembus ke Malaysia.

Menurut Dr Mohd Sufi (2024) dalam temubual, Tarekat al-Sanūsiyyah di Malaysia telah diperkenalkan oleh Dato' Muhammad Fuad bin Kamaluddin di bawah tampuk kepimpinan Yayasan Sofa Negeri Sembilan. Dato' Muhammad Fuad telah mengambil ijazah sanad tarekat ini daripada Sayyid Nafi' al-^cArabi yang merupakan khalifah keempat tarekat al-Sanūsiyyah selepas Sayyid Muhammad ibn cAli al-Sanūsi. Dr Mohd Sufi (2014) menambah bahawa pada asalnya Dato Muhammad Fuad hanya mencari sanad ijazah bagi Tarekat al-Ahmadiyyah Sahaja, namun selepas beliau ziarah ke Mesir dan berjumpa dengan Sayyid Nafi' maka beliau baru mengetahui bahawa tarekat al-Sanūsiyyah mempunyai jalur yang paling sempurna pada ketika itu kerana Sayyid Ahmad ibn Idris (pengasas Tarekat al-Ahmadiyyah) hanya melantik Sayyid Muhammad ibn cAli al-Sanūsi sebagai khalifah tunggal kepada beliau. Oleh itu, beliau mengambil sanad ijazah tarekat ini walaupun pada ketika itu beliau meupakan sheikh tarekat kepada tarekat al-Ahmadiyyah.

Tarekat al-Sanūsiyyah di Malaysia telah didaftarkan di bawah Jabatan Mufti Negeri Sembilan pada tahun 2015 masihi dengan nama Ahli Pertubuhan Tarekat al-Muhammadiyyah al-Sanūsiyyah al-Idrisiyyah (FATIM) oleh Dato' Muhammad Fuad (Idris: 2014). Daripada ini, secara tidak langsung dapat diketahui bahawa beliau Adalah wakil sheikh tarekat kepada kedua-dua buah tarekat ini Ahmadiyyah dan Sanūsiyyah. Para pengikut FATIM ini dikenali sebagai golongan Ikhwan walaupun di dalamnya ada dua tarekat yang berbeza. Menurut Dr. Mohd Sufi (2024), penamaan Ikhwan ini memang sudah lazim dengan kedua-dua tarekat ini kerana ia berasal daripada satu juga tidak kira mereka baiah dengan Sanūsiyyah atau Ahmadiyyah. Beliau menambah bahawa tarekat Ahmadiyyah dan tarekat al-Sanūsiyyah tidak ada perbezaan dari sudut amalan atau manhaj hanya berbeza dari sanad ijazah Sahaja. Hasil temubual bersama beberapa ahli FATIM, kajian mendapati bahawa 100 peratus daripada kesemua responden menyatakan bahawa tiada perbezaan dari sudut manhaj yang mengikuti al-Quran dan al-Sunnah. Namun begitu, 50 peratus mengatakan ada perbezaan dari sudut amalan seperti penambahan ayat pada sesebuah zikir namun ia bukanlah perbezaan yang signifikan, ia hanyalah amalan-amalan kecil bukan amalan asas bagi kedua-dua tarekat ini.

5.0 Kesimpulan

Melalui hasil dapatan kajian serta fakta yang dikemukakan, kajian ini merumuskan bahawa Sayyid Muhammad ibn cAli al-Sanūsi merupakan seorang tokoh sufi yang disegani oleh para ulama pada zamannya. Semangat beliau dalam menimba ilmu telah dipupuk semenjak beliau di usia kanak-kanak lagi walaupun ibu bapa beliau wafat pada beliau kecil lagi. Keluarga beliau mengambil peranan yang amat penting dalam memastikan pendidikan dan pentarbiahan yang sempurna. Sepanjang kehidupan beliau sentiasa disibukkan dengan menimba ilmu pengetahuan, mendampingi para ulama dan menyampaikan dakwah ajaran Islam.

Kajian ini juga turut merumuskan bahawa penyempurnaan diri Sayyid Muhammad ibn cAli al-Sanūsi dari aspek keilmuan dan kepimpinan adalah ketika mendampingi gurunya Sayyid Ahmad ibn Idrīs al-Fāsi al-Hasani walaupun pada sebelumnya beliau sudahpun menjadi seorang ulama besar yang disegani oleh masyarakat. Setelah dilantik menjadi khalifah tunggal bagi Sayyid Ahmad ibn Idrīs, beliau menubuhkan tarekat al-Sanūsiyyah yang membawa ajaran dan manhaj yang sama seperti yang dibawa oleh gurunya tersebut.

Kajian ini juga membuktikan bahawa kejayaan yang dicapai oleh tarekat al-Sanūsiyyah adalah disebabkan oleh struktur organisasi yang sempurna dari segala aspek. Tarekat al-Sanūsiyyah ini juga dilihat sebagai satu-satunya tarekat yang masuk ke dalam kancah politik. Walaupun begitu, ia bertujuan untuk menyatukan masyarakat Arab Badwi yang hidup dalam keadaan bersuku-suku. Kejayaan itu juga adalah

disebabkan penubuhan zawiyyah al-Sanūsiyyah yang banyak dan lengkap dari aspek pendidikan, ketenteraan dan ekonomi. Seterusnya, perubahan struktur tarekat al-Sanūsiyyah kepada sebuah gerakan politik adalah disebabkan keadaan Libya pada ketika itu sedang dijajah oleh Imperialis Barat seperti Perancis, Itali dan Inggeris.

Ajaran yang dibawa oleh Sayyid Muhammad ibn ^cAli al-Sanūsi ialah sebuah ajaran yang dapat diikuti dan dijadikan contoh baik dari aspek amalan dan pemikiran. Dengan fakta serta bukti yang didapatkan jelas bahawa ia adalah sebuah ajaran berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah. Tarekat ini juga diteruskan oleh khalifah selepasnya sehingga Sayyid Idris al-Mahdi dapat menubuhkan sebuah negara yang diakui oleh persatuan Bangsa Bersatu (PBB). Perkembangannya juga dilihat menyebar sehingga ke Malaysia yang dibawa oleh Dato' Muhammad Fuad walaupun beliau menggabungkan dua tarekat dalam satu organisasi. Perbezaan yang ada dalam organisasi tersebut juga bukanlah sebuah perkara yang signifikan dan ia dianggap sebuah perkara biasa kerana kedua-duanya diambil oleh guru yang berbeza.

Rujukan

- Abd al-Mālik, Abd Qadir. 1966. *Al-Fawaid al-Jaliyyah fi Tarikh al-'Aylat al-Sanūsiyyah*
- Abdul Rahman Mahmood et al. Konsep Tasawud Dan Tarekat Menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah. Prosiding Seminar Kebangsaan Asyairah Ahli Sunnah Wal Jamaah 4.0 (Sunnah 2020): UKM.
- Ahmad al-Shārif. 2013. *Al-Anwār al-Qudsiyyah fi Muqaddimah al-Tarīqah al-Sanūsiyyah*. Kuala Lumpur: Sofa Production Sdn Bhd.
- Al-Dajāni, Ahmad Sidqi. 1967. *Al-Harakah al-Sanūsiyyah Nasha'ātuhū wa Namūha fi al-Qarn al-Tāsi'ah 'Ashar*. Qaherah: Maktabah al-Qāhirah.
- Ibn Idris, Sayyid Ahmad. 2016. *Al-Nafahat al-Kubra*. Terj: Muhammad Fuad. Ampang: Sofa Production Sdn Bhd.
- Jādillah, Ahmad. 2017. *Al-Tarbiyyah wa al-Ta'lim fi dzil al-Da'wah al-Sanūsiyyah Drāsah Tārīkhiyyah Wasfiyyah*. Peranan Ulama Sanūsiyyah Dalam Bidang Tarbiah dan Dakwah. Seremban: Kolej Islam al-Sofa.
- Mohd Sobirin. 2020. *Penghayatan Ahli Pertubuhan Tarekat al-Muhammadiyah al-Sanusiyah al-Idrisiyah Malaysia (FATIM) Terhadap Manhaj Tarbiah Sayyid Muhammad Ali al-Sanusi*. UKM: Fakulti Pengajian Islam.
- Muhammad Afif Yahya, ohd Hapiz & Ahmad Sabri Osman. Peranan Tasawuf dan Tarekat Dalam Pembinaan Spiritual Insan yang Berkualiti. *Al-Qanadir: International Journal of Islamic Studies*. Vol 33. No 2, 3 (2024).
- Muhammad Fuad & Mujahid Abdul Wahab. 2015. *Menelusuri Sejarah Agung Tokoh-tokoh Sanusi Membina Taman Cahaya di Bumi Gersang*. Kuala Lumpur: Sofa Production Sdn Bhd.
- Muhammad Fuad. 2012. *Pengenalan Tariqat al-Muhammadiyah al-Sanusiah al-Idrisiah*. Cetakan 1 pertama. Ampang: Sofa Production SDN BHD.
- Mohd Sufi. 2024. *Temubual mendalam*. Kolej Islam as-Sofa: Ampang.
- Al-Salabi, Dr. Muhammad Ali. 2005. *Tārīkh al-Harakah al-Sanūsiyyah fi Afriqiya*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Ashhāb, Muhammad Tayyib Idris. T.th. *Barqa' al-'Arabiyyah Bayna al-Ams wa al-Yawm*. Al-Qahirah: Dar al-Turath.
- Federico Cresti. 2018. *Una questione di famiglia: la tarīqah al-sanūsiyyah tra Aḥmad al-Šarīf e Muḥammad Idrīs (Libia, 1914-1918)*. *Oriente Moderno* 98 (299-351). University of Catania.
- Ziadeh, N. 1968. *Sanusiyyah A Study of Revavilast Movement in Islam*. Leiden: E.J. Brill.